



## IKLAN KEKOSONGAN GERAI / PREMIS / KIOSK

**Tarikh Diiklankan : 02 April 2017**

1. Permohonan adalah dipelawa kepada penduduk kelahiran atau menetap di Simpang Renggam dan kawasan sekitarnya yang berminat untuk menyewa dan menjalankan perniagaan di Gerai/Premis/Kiosk milik Majlis Daerah Simpang Renggam.
2. Kekosongan Gerai/Premis/Kiosk milik MDSR yang ditawarkan ialah :

Bil	Kategori Harta Sewa	No Unit	Kadar Sewa Bulanan Termasuk 6% GST (RM)
1	Gerai Kabin MDSR Taman Renggam Jaya	Kabin-01	200.00
2		Kabin-02	200.00
3		Kabin-03	200.00
4		Kabin-04	200.00
5	Gerai Mini Stadium Layang-Layang	No. 01	150.00
6		No. 02	150.00
7		No. 03	150.00
8		No. 04	150.00
9	Gerai Majlis Layang-Layang	JTWH - 07	80.00
10	Kiosk	Jalan Johor	40.00
11	Gerai Majlis Renggam	Gerai Lama - 09	40.00
12		Gerai Lama - 12	40.00
13		Gerai Lama - 15	40.00
14		Bustand B - 01	20.00
15		Bustand B - 02	20.00
16		Kompleks IKS	Gerai No. 1
17	Gerai No. 3		150.00
18	Bangunan 3P		2400.00

3. Syarat-syarat permohonan gerai / premis / kiosk adalah seperti berikut :
- 3.1 Taraf kerakyatan pemohon mestilah **Warganegara Malaysia** yang berumur dari 18 tahun sehingga 60 tahun sahaja. **(Keutamaan akan diberi kepada penduduk sekitar kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam).**
  - 3.2 Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Sewaan yang boleh didapati daripada Bahagian Penilaian & Pengurusan Harta, MDSR atau melalui laman web MDSR iaitu <http://www.mdsr.gov.my>
  - 3.3 Borang permohonan hendaklah diisikan dengan **LENGKAP** dan dikembalikan kepada Bahagian Penilaian & Pengurusan Harta berserta dokumen-dokumen berikut :
    - i) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport
    - ii) Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon
    - iii) Satu (1) salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan / Syarikat (SSM)
    - iv) Salinan sijil kursus perniagaan **(jika ada)**
    - v) Melampirkan lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan **(jika ada)**
  - 3.4 Permohonan hendaklah dibuat berdasarkan **kekosongan** yang ditetapkan di dalam Iklan Kekosongan Gerai / Premis / Kiosk yang diiklankan sahaja. **(terhad kepada satu pemohon untuk satu kekosongan)**
  - 3.5 Pemohon adalah dinasihatkan untuk **melihat keadaan lokasi premis terlebih dahulu** sebelum memohon kekosongan Gerai / Premis / Kiosk yang diiklankan.
  - 3.6 Pemohon hendaklah menjelaskan bayaran proses permohonan penyewaan sebanyak **RM10.00 bagi satu permohonan**. (Segala kos perbelanjaan berkaitan permohonan ini tidak ditanggung oleh pihak MDSR).
4. Tarikh Tutup permohonan :-
- 4.1 Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke **Bahagian Penilaian Dan Pengurusan Harta, Pejabat Majlis Daerah Simpang Renggam, sebelum atau pada 16 April 2017 (Ahad).**
  - 4.2 Status permohonan yang layak ditemuduga akan mendapat jemputan temuduga mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**(TUAN HAJI MOHD NOH BIN IBRAHIM)**

Yang Dipertua

Majlis Daerah Simpang Renggam